

10 AUG 1996

Fomca

FOMCA SOKONG SARANAN PM SUPAYA TENAGA NASIONAL PATUT BAYAR GANTI RUGI

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Persekutuan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) hari ini menyatakan sokongan kepada saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Tenaga Nasional Berhad membayar ganti rugi kepada mereka yang terbabit dengan gangguan bekalan elektrik Sabtu Lepas.

Penasihat undang-undang FOMCA Jacob George dalam satu kenyataan berkata langkah-langkah perlu diambil untuk menentukan kejadian seperti itu tidak berulang yang dapat menyebabkan kerugian dan kesusahan kepada pengguna di Semenanjung Malaysia.

Beliau berkata adalah juga penting Tenaga Nasional membuat pembayaran ganti rugi itu secepat mungkin kerana Tenaga Nasional telah dilaporkan membuat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1,600 juta tahun lepas.

"Tidak ada sebab mengapa mereka mesti lewatkan pembayaran ganti rugi ini," kata beliau.

"Beberapa langkah tegas juga perlu diambil seperti menyusun semula pentadbiran Tenaga Nasional dan menyekat monopolinya dalam pengedaran tenaga elektrik," kata Jacob.

Beliau berkata tidak ada apa-apa yang dilakukan untuk melindungi imej negara dan Tenaga Nasional tidak mengambil dari kejadian gangguan bekalan yang serius pada tahun 1992.

"Berjuta-juta pengguna tidak puas hati dengan kelembapan dan ketidakcekapan Tenaga Nasional dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Masanya sudah tiba untuk mengadakan grid negara kedua dan penglibatan yang lebih kepada pengeluaran tenaga persendirian (IPP).

-- BERNAMA

WNZ WAT AHH